

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR (AKNC)

1. Pemilihan Bidang Tumpuan

1.1 Pastikan PTJ memilih bidang tumpuan yang BUKAN menjadi teras perkhidmatan:

- a. Pengajaran dan Pembelajaran (Pengecualian: Pej TNCAA)
- b. Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan (Pengecualian: TNCPPI)
- c. Jaringan Industri dan Keusahawanan (Pengecualian: MASMED)
- d. Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (Pengecualian: ICAN)
- e. Penyampaian Perkhidmatan (Pengecualian: PTAR)
- f. Pengurusan dan Pembangunan Staf (Pengecualian: Pendaftar)
- g. Pengurusan Kewangan (Pengecualian: Bendahari)
- h. Pengurusan Fasiliti dan Teknologi (Pengecualian: PPII)
- i. Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pengecualian: Pejabat TNC HEP)

1.2 Markah akan dipotong jika PTJ memilih/menulis bidang tumpuan yang menjadi dalam teras perkhidmatan.

1.3 PTJ dibenarkan memilih bidang tumpuan yang sama selama tiga (3) tahun berturut-turut sahaja.

1.4 **Juara Keseluruhan** tidak dibenarkan memilih bidang tumpuan yang sama bagi satu (1) tahun berikutnya.

1.5 PTJ yang telah memenangi mana-mana anugerah tetapi tidak dianugerahkan sebagai Juara Keseluruhan, maka PTJ tersebut tertakluk kepada perkara 1.3 iaitu hanya dibenarkan memilih bidang tumpuan yang sama selama tiga (3) tahun berturut-turut sahaja.

2. Kampus Berfakulti:

Kampus Berfakulti perlu membuat pelaporan yang berasingan sebagai PTJ yang berasingan. Kampus Berfakulti tidak boleh melaporkan data / pencapaian yang tidak diusahakan sendiri oleh kampus tersebut. Begitu juga Fakulti di dalam Kampus Berfakulti tidak boleh melaporkan data / pencapaian yang dihasilkan oleh Kampus Berfakulti tanpa penglibatan Fakulti tersebut.

Contoh:

UiTM Cawangan Melaka tidak boleh menggunakan data/pencapaian penyelidikan Fakulti Perladangan & Agroteknologi (FPA) yang telah diusahakan oleh FPA di dalam melaporkan bidang tumpuan Penyelidikan dan Penerbitan UiTM Cawangan Melaka.

Fakulti Perladangan & Agroteknologi (FPA) tidak boleh menggunakan data/pencapaian Pengurusan Fasiliti & Teknologi UiTM Cawangan Melaka di Kampus Jasin yang diuruskan oleh UiTM Cawangan Melaka di dalam pelaporan FPA mengenai bidang tumpuan Pengurusan Fasiliti dan Teknologi FPA.

3. Pemilikan (Ownership) Laporan:
 - 3.1 Laporan AKNC yang disediakan adalah milik bersama INQKA dan akan dijadikan sebagai bahan Institutional Repository University (IR), PTAR UiTM Shah Alam
 - 3.2 PTJ yang memenangi anugerah perlu bersedia untuk mengadakan sesi perkongsian apabila diperlukan oleh pihak INQKA
4. Pastikan PTJ merujuk kepada Kriteria AKNC terkini.
5. Lampiran Bukti:
 - 5.1 Bukti yang dilampirkan perlu mengikut ketetapan iaitu sebanyak tiga mukasurat sahaja bagi setiap bukti yang dilampirkan.
 - 5.2 PTJ boleh memberikan pautan video di bahagian muatnaik lampiran bukti.
 - 5.3 PTJ tidak dibenarkan memasukkan pautan Google Drive/ QR Code sebagai bukti sokongan.
 - 5.4 Bahan bukti yang tidak mengikut ketetapan tidak akan dinilai.
6. Sumber rujukan perlu dinyatakan dengan jelas bagi mengelakkan isu plagiat
7. Terma dan Skop Tugas:
 - 7.1 Penyelaras:

Cadangan nama penyelaras diberikan oleh pihak PTJ. INKQA akan mengeluarkan surat lantikan melalui sistem i-AKNC. Bertugas menyelaras penulisan laporan AKNC sehingga dihantar ke INQKA melalui sistem i-AKNC. Penyelaras perlu merujuk kepada Ketua Unit Kualiti bagi memastikan kelancaran penyediaan laporan AKNC.
 - 7.2 Penulis:

Perlantikan penulis dibuat oleh pihak PTJ sendiri. Bilangan penulis bagi setiap PTJ adalah tidak melebihi 35 orang sahaja. Bertugas menyiapkan laporan AKNC mengikut nasihat Penyelaras dan Ketua Unit Kualiti
 - 7.3 Ketua PTJ:

Ketua PTJ perlu menyemak dan mengesahkan laporan AKNC yang disediakan kemudian menghantar laporan tersebut melalui sistem i-AKNC.
8. Tarikh Penghantaran Laporan AKNC adalah pada **30 Ogos 2022 (Selasa)**.
9. Sebarang urusan berkaitan sokongan teknikal berkaitan penghantaran Laporan AKNC adalah pada hari Isnin-Khamis pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja.
10. Keputusan penjurian adalah muktamad. Setiap laporan akan diberikan “star rating” mengikut julat markah yang diberi.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak Sekretariat INQKA di talian: +603-55435711 (Puan Siti Norul'ain Mohd Azizi) atau +603-5545713 (Puan Hairina Ahmad Bakri).